

ELEMEN 'ULUM AL-QURAN DALAM MANUSKRIP QURAN BERGANTUNG MAKNA MELAYU OLEH SHAYKH MUHAMMAD IDRIS AL-MARBAWI

Nor Syamimi Mohd¹, Ammar Fadzil² & Nadzrah Ahmad³

*Universiti Kebangsaan Malaysia¹ & Universiti Islam Antarabangsa Malaysia^{2,3}
norsyamimimohd@ukm.edu.my¹, ammar@iium.edu.my² & anadzrah@iium.edu.my³*

ABSTRACT

The fields of knowledge known as 'ulum al-Quran (science of the Quran) and Quranic interpretation are closely related and mutually beneficial. Most authors of tafsir books begin their interpretation by describing the 'ulum al-Quran as a muqaddimah (introduction) and then debate various interpretations. Al-Tabari, Ibn 'Athiyyah, and Ibn Hayyan all engaged in this. However, the exegetes of Quranic interpretations have different tendencies to debate 'ulum al-Quran in their respective books, whether discussed in depth or not or not. Thus, the purpose of this research is to analyse the extent to which Shaykh Mohamed Idris al-Marbawi debated the element of the science of the Quran in his scribble titled Quran Bergantung Makna Melayu. The method of content analysis was employed to design this qualitative research. Document analysis is used to collect data, and the data obtained is descriptively analysed. The findings indicate that Shaykh al-Marbawi pays only cursory attention to the debate over the 'ulum al-Quran. The debate covered topics such as makki and madani, asbab nuzul, and nasikh mansukh. The implications of the study show that the Quran Bergantung Makna Melayu by Shaykh al-Marbawi is an authentic book of interpretation and is in line with the current needs of the society which requires a simple and understandable interpretation.

Keywords: Malay Quranic commentary; Tafsir Manuscript; Shaykh al-Marbawi; Quran Bergantung Makna Melayu; Science of the Quran

ABSTRAK

'Ulum al-Quran dan tafsir al-Quran merupakan suatu cabang ilmu yang mempunyai hubungan yang rapat dan saling melengkapi antara satu sama lain. Kebanyakan pengarang kitab-kitab tafsir akan menjelaskan terlebih dahulu 'ulum al-Quran dipermulaan tafsir masing-masing sebagai muqaddimah dan perbincangan kepada tafsiran yang dilakukan. Hal ini sepertimana yang dilakukan oleh al-Tabari, Ibn 'Athiyyah dan Ibnu Hayyan. Walau bagaimanapun, para penulis tafsir al-Quran mempunyai kecenderungan yang berbeza untuk membahaskan 'ulum al-Quran dalam kitab masing-masing sama ada dibincangkan secara panjang lebar atau sebaliknya. Oleh itu, tujuan kajian ini ialah untuk menganalisis sejauh manakah Shaykh Mohamed Idris al-Marbawi membahaskan elemen 'ulum al-Quran dalam manuskrip tafsirnya yang bertajuk *Quran Bergantung Makna Melayu*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan terhadap *Quran Bergantung Makna Melayu*. Data dikumpul melalui analisis dokumen dan dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan Shaykh al-Marbawi memberi perhatian terhadap perbincangan 'ulum al-Quran secara ringkas sahaja. Perbincangan tersebut merangkumi persoalan *makki* dan *madani*, *asbab nuzul*, dan *nasikh mansukh*. Implikasi kajian menunjukkan bahawa *Quran Bergantung Makna Melayu* karya Shaykh al-Marbawi merupakan kitab tafsir yang sahih dan sesuai dengan keperluan semasa masyarakat yang memerlukan tafsiran yang ringkas dan mudah difahami.

Kata kunci: Tafsir Melayu; Manuskrip Tafsir; Shaykh al-Marbawi; *Quran Bergantung Makna Melayu*; 'Ulum al-Quran

PENGENALAN

'Ulum al-Quran ialah satu gagasan ilmu yang mengkaji tentang al-Quran dan perkara yang berkaitan dengannya misalnya sebab nuzul, *maki* dan *madani*, *nasakh mansukh*, *i'jaz al-Quran*, *amthal*, *qasas* serta *aqsam al-Qur'an* dan sebagainya (al-Suyuti 2000, 'Abbas 2014; & al-Khalidi 2010). Mempunyai pengetahuan mengenai 'ulum al-Quran merupakan antara elemen terpenting dalam memahami dan mentafsirkan al-Quran. Hal ini sekaligus dapat menolak kekeliruan tentang al-Quran dan dapat memahami al-Quran dengan betul.

Disebabkan bidang kajian 'ulum al-Quran sangat luas, para penulis tafsir al-Quran mempunyai kecenderungan yang berbeza untuk membahaskan 'ulum al-Quran dalam kitab masing-masing. Ada pentafsir yang membincangkan secara panjang lebar atau sebaliknya. Perbezaan kecenderungan pentafsir ini berkait rapat dengan latar belakang pentafsir, iktikad, mazhab dan kepakaran atau keilmuan, latar belakang pendidikan, tujuan tafsir dihasilkan, sumber rujukan dalam menghasilkan karya dan keadaan serta situasi menghasilkan karya (al-Khalidi 2010).

Justeru itu, kertas kerja ini memfokuskan sebuah manuskrip tafsir di Malaysia yang baru didedahkan penemuannya kepada masyarakat umum iaitu *Quran Bergantung Makna Melayu*. Karya tafsir ini ditulis pada 1956 oleh Shaykh Mohamed Idris al-Marbawi. Manuskrip tafsir ini sangat signifikan dalam konteks kajian khazanah tafsir di Malaysia dan Nusantara. Oleh yang demikian, kertas kerja ini meninjau sejauh mana Shaykh al-Marbawi membahaskan elemen 'ulum al-Quran dalam *Quran Bergantung Makna Melayu*?

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan terhadap manuskrip *Quran Bergantung Makna Melayu* yang ditulis pada 21 Sya'aban 1375H bersamaan to 2 April 1956 di Kaherah, Mesir. Data dikumpul melalui analisis dokumen dan dianalisis secara deskriptif. Data kajian dikumpul secara analisis dokumen. Dokumen utama yang menjadi asas kajian ini ialah *Quran Bergantung Makna Melayu*. Data yang dikumpul ialah elemen 'ulum al-Quran dalam manuskrip ini. Analisis dokumen juga dilakukan terhadap kitab 'ulum al-Qur'an misalnya *Itqan al-Burhan fi 'Ulum al-Quran* oleh Fadl Hasan 'Abbas, *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an* oleh 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr al-Suyutiy dan *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufassirin* oleh Salah Abd al-Fattah al-Khalidi.

KONSEP 'ULUM AL-QURAN

Ulum al-Quran terdiri daripada dua perkataan 'ulum dan al-Quran. Definisi 'ulum dari sudut bahasa ialah ia merupakan kata jamak bagi perkataan 'ilmu yang bermaksud pengetahuan. Manakala al-Quran bermaksud bacaan.

Manakala definisi al-Quran dari sudut istilah ialah kalamullah yang bermukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril, dalam bahasa Arab, diriwayatkan secara mutawatir dan membacanya adalah ibadat. Kedudukannya dalam mashaf bermula dari surah al-Fatihah berakhir dengan surah al-Nas. Definisi ulum al-Quran dari sudut istilah pula ialah satu gagasan ilmu yang mengkaji tentang al-Quran dan perkara yang

berkaitan dengannya seperti sejarah penurunan, penulisan dan pengumpulannya, sebab nuzul, *makki* dan *madani*, *nasakh mansukh* dan sebagainya.

Dari sudut bidang kajian 'ulum al-Quran, ia merangkumi sebab nuzul, *makki* dan *madani*, *ijaz al-Quran*, *balagh*, *lughah*, *jidat* serta *musykil al-Quran*, *nasikh mansukh*, *am* dan *khas*, *mutlaq muqayyad*, *mantuq* dan *mafhum* juga *muhkam* dan *mutasyabih*, ilmu qira'at, tajwid serta tarannum al-Qur'an, *amthal*, *qasas* serta *aqşam* al-Quran dan sebagainya (al-Suyuti 2000, 'Abbas 2014). Di samping itu, antara faedah mempelajari 'ulum al-Quran ialah meneguhkan keimanan terhadap keagungan al-Quran sebagai kalamullah, mengambil iktibar daripada kehebatan para ulama yang mengkaji al-Quran, memahami al-Quran dengan betul dan dapat menolak kekeliruan tentang al-Quran (al-Suyuti 2000, 'Abbas 2014; & al-Khalidi 2010).

Justeru itu, 'ulum al-Quran ialah satu disiplin ilmu yang mengkaji tentang al-Quran dan perkara yang berkaitan dengannya. Elemen 'ulum al-Quran yang dimaksudkan dalam kertas kerja ini ialah bidang kajian 'ulum al-Quran itu sendiri. Antaranya ialah sebab nuzul, *makki* dan *madani*, *ijaz al-Quran*, *nasikh mansukh*, dan *amthal*. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya menfokuskan tiga elemen 'ulum al-Quran sahaja iaitu sebab nuzul, *makki* dan *madani*, dan *nasikh mansukh* dalam manuskrip *Qur'an Bergantung Makna Melayu*.

BIODATA RINGKAS SHAYKH AL-MARBAWI

Nama penuh Shaykh al-Marbawi ialah Mohamed Idris bin Abdul Raof bin Ja'far bin Idris al-Marbawi al-Azhari (Ismail 1991; Faisal 2007; Monika et. al 2011). Beliau dilahirkan di Kampung Misfalah, Mekah pada 28 Zulkaedah 1313 Hijrah bersamaan 12 Mei 1896 (Faisal 2007; Haziyah et. al 2016). Shaykh al-Marbawi sekeluarga kembali ke kampung halaman mereka di Lubuk Merbau yang terletak dalam Daerah Kuala Kangsar, Perak pada awal 1990an setelah bermustautin di Mekah sejak awal tahun 1890-an. Di Malaysia, Shaykh al-Marbawi bersekolah di Sekolah Melayu Lubuk Merbau ketika berusia 11 tahun. Kemudian, beliau menyambung pelajaran dalam bidang pengajian Islam di Pondok Sheikh Wan Muhammad Wan Husain (1849-1929), di Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Selepas tiga tahun, beliau berpindah ke pondok Tuan Hussein al-Mas'udi (1863-1936) di Kedah, kemudian ke pondok Sheikh Ahmad al-Fatani yang dikenali sebagai Madrasah al-Masriyah di Padang Lalang, Bukit Mertajam selama empat tahun. Selepas itu, beliau berguru pula dengan Sheikh Muhammad Yusuf bin Muhammad (1868-1933) atau Tok Kenali di Kelantan. Al-Marbawi juga mengikuti pengajian agama di Masjid al-Muhammadi, Kelantan (Abdul Salam 2003; Faisal 2007; Haziyah et al 2016). Seterusnya, al-Marbawi menyambung pengajiannya di Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1924. Beliau menjadi antara pelajar terawal yang berjaya mendapat ijazah *Syahadah 'Aliyah* dalam bidang Syariah Islam (Abdul Salam 2003; Latifah 2008).

Antara guru-guru beliau daripada beberapa pondok di Malaysia ialah Shaykh Wan Muhammad bin Wan Husain daripada Bukit Chandan, Tuan Husain Mohd Nasir al-Mas'udi al-Banjari daripada Kedah, Muhammad Yusof atau dikenali sebagai Tok Kenali daripada Kelantan, Haji Yaakub Legor di Masjid Muhammadi daripada Kota Bahru, Kelantan dan Haji Muhammad Ali Salahuddin bin Awang daripada Pulau Pinang. Manakala guru-guru Shaykh al-Marbawi di Mesir pula ialah Shaykh Muhammad Ibrahim al-Samaluti, Shaykh Mahmud Ghunaym, Shaykh Muhammad Bahith, Shaykh Muhammad Ali al-Maliki, Shaykh Yusuf al-Hawi dan Shaykh Abu al-A'la al-Falaki (Muhammad Mustaqim 2003; Abdul Salam 2003; Latifah 2008; Mustaffa 2009; Nor Azlida 2010).

Karya-karyanya merangkumi pelbagai bidang iaitu perkamusan, tafsir, hadith, fiqh dan tauhid. Antara karya-karya al-Marbawi yang diterbitkan ialah *Kamus al-Marbawi*, *Ringkasan Kamus Melayu-Arab Bergambar*, *Tauladan Belajar Arabnya yang Senang*, *Qamus al-Jayb 'Arabi-Melayu Latin*, *Kitab Perbendaharaan Ilmu*, *Mu'jam al-Ka'inat*, *Punca Agama dan Pati Hukum Ibadat*, *Nizam al-Hayah Peraturan Hidup Umat Islam*, *Asas Islam*, *Tafsir Qur'an al-Marbawi Juz Alif Lam Mim*, *Tafsir Surah Yasin*, *Bahr al-Madhi*, *Bulugh al-Maram* dan *Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari dan Muslim*, *Siraj al-Qari*, *Siraj al-Huda*, *Taj al-Muluk*, *al-Yawaqit wa al-Jawahir* dan *Bidayah al-Mubtadi' wa 'Umdah al-Awlad* (Faisal 2013; Haziyah et. al 2016).

Keilmuan dan keintektualan Shaykh al-Marbawi lebih terserlah apabila beliau menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 5 Julai 1980. Beliau turut dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan yang pertama pada 1408H/1987M dan Anugerah Pingat Ahli Mahkota Perak pada tahun 1988 oleh baginda Sultan Perak, Sultan Azlan Shah. Beliau menghembuskan nafas terakhir pada 13 Oktober 1989 (Muhammad Mustaqim 2003; Abdul Salam 2003; Latifah 2008; Mustaffa 2009; Nor Azlida 2010).

PENGENALAN QURAN BERGANTUNG MAKNA MELAYU

Manuskrip *Quran Bergantung Makna Melayu* mengandungi tafsiran surah al-Fatihah sehingga surah al-An'am, ayat 14 dengan 377 halaman kertas termasuk indeks tajuk. Ia mula ditulis oleh al-Marbawi pada 21 Syaaban 1375H, bersamaan 2 April 1956 di Kaherah sebagaimana yang tercatat di halaman depan manuskrip. Tafsir ini ditulis pada helaian kertas kajang dalam bahasa Melayu bertulisan jawi. Antara sumber rujukan Shaykh al-Marbawi dalam menghasilkan kitab tafsir ini ialah *Tafsir al-Jalalayn*, *Tafsir al-Nasafi*, *Hasyiyah al-Jamal 'ala al-Jalalayn* dan *Tafsir al-Khazin*.

Tafsir ini dimulai dengan *khutbat al-kitab* atau prakata diikuti dengan basmalah dan puji-pujian kepada Allah SWT dan selawat ke atas Rasulullah SAW serta lafaz '*amma ba'd*'. Shaykh al-Marbawi menjelaskan teknik penulisannya yang menggunakan beberapa simbol huruf sebagai tanda rujukannya kepada kitab-kitab tertentu. Prakata ini dikemukakan dalam dwi bahasa, bahasa Arab dan bahasa Melayu. Badan teks tafsir ini terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan satu kotak yang dibahagikan kepada dua lajur. Lajur pertama memuatkan pengenalan surah, bilangan ayat dan kedudukan surah sama ada *makkiyyah* atau *madaniyyah*. Lajur kedua pula mengandungi kumpulan ayat al-Quran yang akan ditafsirkan manakala di bahagian bawahnya, tercatat terjemahan makna perkataan demi perkataan. Ayat-ayat ini ditulis dengan menggunakan rasm uthmani. Kotak ini terletak di bahagian tengah halaman. Bahagian kedua pula ialah huraian makna ayat al-Quran. Al-Marbawi mengemukakan nombor ayat dan nas yang lengkap atau potongan-potongan ayat, kemudian mentafsirkannya. Ayat al-Quran pada bahagian ini ditulis dengan menggunakan *rasm imla'i*. Di dalam pentafsiran inilah, pembaca akan menemui simbol-simbol rujukan, iaitu: huruf (ج) bagi *Tafsir al-Jalalayn*; huruf (و) bersumberkan *Tafsir al-Nasafi*; huruf (ح) bagi *Hasyiyah al-Jamal 'ala al-Jalalayn*; huruf (ز) bagi *Tafsir al-Khazin*, manakala huruf (س) sebagai penamat huraian yang bermaksud *intaha* (tamat) (Haziyah et. al 2016).

PERBAHASAN 'ULUM AL-QURAN DALAM MANUSKRIP *QURAN BERGANTUNG MAKNA MELAYU*

Quran Bergantung Makna Melayu ialah sebuah kitab tafsir yang tidak lengkap 30 juzuk al-Quran. Pengarangnya hanya sempat menulis tafsiran bermula daripada surah al-Fatihah hingga ayat 14 Surah al-An'am sahaja. Antara elemen 'ulum al-Quran yang terdapat dalam kitab tafsir Shaykh al-Marbawi ialah sebab nuzul, *makki* dan *madani* dan *nasikh mansukh*.

Sebab Nuzul

Sebab nuzul ialah berlakunya suatu peristiwa yang menyebabkan turunnya ayat al-Qur'an pada hari berlakunya sesuatu peristiwa (al-Suyuti 2000). Apabila diteliti terhadap gaya atau cara Shaykh al-Marbawi berinteraksi dengan sebab didapati beliau menerangkan secara langsung (*lafaz sarih*) sebab turun ayat. Pengarang menerangkan secara langsung sebab turun sesuatu ayat dengan menggunakan secara (*lafaz/nas sarih*) 'sebab turun ayat ini ialah', atau dengan mendatangkan huruf *fa* (iaitu *fa ta'qibiyah*) selepas mendatangkan kisah atau persoalan. Contohnya ketika mentafsirkan sebab nuzul surah al-Nisa' ayat 43, al-Marbawi menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan bagi menyatakan larangan untuk mengerjakan solat secara berjemaah bagi orang yang sedang mabuk kerana meminum arak. Beliau juga menyatakan bahawa; "...Dan kata qila mengenainya: jangan hampir sekalian kamu akan tempat sembahyang yakni pada halnya sekalian kamu orang-orang yang mabuk hingga mengetahui sekalian kamu akan sekalian kamu ucapkan. *Sebab nuzul* ayat ini adalah merujuk kepada kitab *Hasyiyah al-Jamal 'ala al-Jalalayn*, dan *Tafsir al-Khazin* (al-Marbawi 1956). Oleh itu, Shaykh al-Marbawi beriltizam merujuk kitab tafsir yang muktabar lain dalam membahaskan sebab nuzul sesuatu ayat.

Makki dan Madani

Makkiyyah ialah ayat dan surah diturunkan sebelum Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah. Manakala *madaniyyah* pula ialah ayat dan surah yang diturunkan selepas Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah (al-Suyuti 2000; 'Abbas 2014).

Shaykh al-Marbawi juga tidak terlepas daripada menjelaskan tentang ayat-ayat *makki* dan *madani* dalam tafsiran beliau. Bahkan ianya menjadi antara elemen terpenting di dalam tafsiran beliau sehinggakan beliau menjelaskan tentang ayat *makki* dan *madani* ini di dalam semua pendahuluan surah yang ingin ditafsirkan. Antara contoh ayat-ayat *makki* yang dinukilkan oleh beliau ialah ketika beliau mentafsir Surah al-Fatihah, di pendahuluan surah tersebut beliau menyatakan; 'Surah al-Fatihah itu turun di Mekah, iaitu tujuh ayat dengan basmalah. Maka ayat yang ketujuh hingga akhir surah. Dan jika basmalah itu bukan daripada Fatimah, maka ayat yang ketujuh hingga akhirnya'. Begitu juga ketika beliau mentafsirkan Surah al-An'am, katanya; 'Ini Surah al-An'am-turun di Mekah-iaitu 165 ayat'.

Manakala contoh ayat *madani* yang dijelaskan oleh beliau ialah ketika beliau mentafsirkan Surah al-Baqarah, katanya; 'Surah al-Baqarah itu turun di Madinah, iaitu 286 atau 287 ayat'. Begitu juga ketika beliau mentafsirkan Surah Ali 'Imran, katanya: 'Ini Surah Ali 'Imran, turun di Mekah, iaitu dua ratus ayat'. Dalam surah al-Nisa' pula, beliau berkata: 'Ini Surah al-Nisa' namanya, turun di Madinah, iaitu 176 ayat. Seterusnya pada surah al-Ma'idah beliau berkata: 'Ini Surah al-Ma'idah namanya, turun di Madinah, iaitu seratus dua puluh ayat'.

Secara keseluruhannya, Shaykh al-Marbawi membahaskan tentang persoalan *makki* dan *madani* secara ringkas sahaja untuk memberi maklumat kepada pembaca kedudukan sesuatu surah itu adakah ia termasuk dalam kategori surah *makkiyyah* atau *madaniyyah* di setiap permulaan tafsiran sesuatu surah. Kajian mendapati ulasan ringkas ni adalah sebagaimana rujukan *Hasyiyah*

al-Jamal 'ala al-Jalalayn, dan *Tafsir al-Khazin*. Selain itu, beliau tidak membahaskan secara terperinci ayat-ayat yang ada pengecualian dari sudut *makki* dan *madani* dalam sesuatu surah.

Nasikh Mansukh

Nasikh ialah menghapuskan dalil hukum syar'i dengan dalil hukum syar'i yang lain. Manakala *mansukh* pula ialah hukum syara' yang telah dihapuskan (al-Suyuti 2000; 'Abbas 2014). Antara contoh *nasikh mansukh* yang terdapat dalam *Quran Bergantung Makna Melayu* ialah ketika pengarang mentafsirkan ayat 217 surah al-Baqarah yang berkaitan hukum berperang dalam bulan haram. Menurut tafsiran Shaykh al-Marbawi (1956) 'Bertanya mereka itu, yakni orang-orang Islam padamu ya Muhammad, daripada bulan yang diharamkan berperang di dalamnya dengan tiada sengaja, adakah harus atau tiada? Katakan olehmu akan jawabnya: Bermula berperang di dalam bulan yang diharamkan itu dosa besar jika dengan sengaja. Maka ayat ini telah dinasakhkan dia dengan ayat 5 Surah al-Tawbah'. Oleh itu, tafsiran pengarang secara jelas menyatakan ayat nasikh mansukh bagi sesuatu persoalan hukum. Hal ini secara tidak langsung membantu pembaca memahami

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perbahasan elemen 'ulum al-Quran tentang sebab nuzul, *makki* dan *madani* dan *nasikh mansukh* dalam *Quran Bergantung Makna Melayu* oleh Shaykh al-Marbawi adalah berdasarkan beberapa kitab rujukan muktabar. Hal ini sudah menjadi kelaziman seseorang pentafsir untuk merujuk kitab-kitab terdahulu sebelum pengarang untuk menghuraikan sesuatu tafsiran di samping merujuk kitab-kitab 'ulum Quran lain. Walau bagaimanapun, tafsiran yang dinukilkan adalah bersifat ringkas sahaja. Tafsiran ini sesuai dengan keperluan semasa masyarakat yang memerlukan tafsiran sahih yang ringkas dan mudah difahami.

RUJUKAN

- 'Abbas, Fadl Hasan. 2014. *Itqan al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*. Amman: Dar al-Furqan.
- Abdul Salam Muhammad Shukri. 2003. *Al-Sheikh Dr. Muhammad Idris al-Marbawi's contribution to Islamic studies in the Malay world*. Mohamad@Md. Som Sujimon. Monograph on Selected Malay Intellectuals, hlm. 82-105. Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University Malaysia.
- Faisal Ahmad Shah. 2007. *Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawi dalam Bahr al-Madhi*. Disertasi PhD, Universiti Malaya.
- Haziyah Hussin, Latifah Abdul Majid, Nor Syamimi Mohd, Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Sabri Mohamad. 2016. *Pemikiran Tafsir Sheikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam Manuskrip Quran Bergantung Makna Melayu*, Jurnal al-Turath 1(1): 24-34.
- Ismail Mat Ludin. 1991. *Sheikh Idris al-Marbawi dan Sumbangannya*. Latihan ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Khalidi, Salah Abd al-Fattah. 2010. *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufasssirin*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Latifah Abdul Majid. 2008. *The Bahr Al-Madhi of Shaykh Idris al-Marbawi and the Jawahir al-Bukhari of Tuan Haji Husayn: Significance Hadith texts for Malay Muslims as tools for religious, political and social teaching during twentieth century*. Tesis Ph.D. University of Wales.

- Monika @ Munirah Abd Razzak, Nik Mohd Zaim Ab Rahim & Khadher Ahmad. 2011. *Sumbangan Syeikh Idris Al-Marbawi dalam Memartabatkan Al-Quran dan al-Sunnah: Tumpuan Kitab Tafsir Surah Yasin*.
- Mohamed Idris al-Marbawi al-Azhari. 1956. *Quran Bergantung Makna Melayu*. Kaherah: tiada penerbit.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. 2003. *The Bahr al-Madhi of Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi: a preliminary analysis*. *Ulum Islamiyyah: Malaysian Journal of Islamic Sciences*. Vol. 2(1): 61-80.
- Mustaffa Abdullah. 2009. *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nor Azlida Aziz. 2010. *Metodologi Pentafsiran Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi dalam Kitab Tafsir Quran Marbawi*. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- al-Suyutiy, 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 2000. *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. al-Qahirah: Dar al-Turath.